

**TAJUK PENYELIDIKAN:**

**PERKHIDMATAN PANDANG DENGAR DI PERPUSTAKAAN-  
PERPUSTAKAAN AWAM TERPILIH DI MALAYSIA**

**PENYELIDIK:**

<b>NIK ROSLINA BT. KARIM</b>	<b>91229054</b>
<b>RUSLINA BT. ABD MAJID</b>	<b>91257266</b>
<b>AZLINDA BT ABIDIN</b>	<b>91254937</b>

---

**KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN & MAKLUMAT  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM  
SELANGOR**

## **ISI KANDUNGAN**

	Muka Surat
Penghargaan .....	i
Abstrak .....	ii
Pendahuluan .....	iii
 <b>BAB 1</b>	
Pengenalan .....	1-2
Ulasan Penulisan .....	3-8
Bibliografi .....	9
Penyata Pemasalahan .....	10-12
Tujuan Penyelidikan .....	13-14
Hipotesis .....	15
Rekabentuk Penyelidikan .....	16-19
Definisi Istilah .....	20-21
Kaedah Pengumpulan Data .....	22
Kepentingan Penyelidikan .....	23-24
 <b>BAB 2</b>	
Kaedah Penganalisaan Data .....	25-29
Hasil Penyelidikan .....	30-31
Rumusan Penyelidikan .....	32
Pandangan dan Cadangan .....	33-36
 <b>BAB 3</b>	
Lampiran Soal Selidik	
Surat-Surat Terpilih Dari Responden	

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbth..

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kami kepada En. Mohd. Shariff Mohd. Saad selaku pensyarah penasihat kami diatas segala tunjuk ajar serta nasihat yang diberikan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kami khas kepada pensyarah koordinator, En. Wong Tuck Chong diatas segala nasihat dan komen yang telah diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini.

Tidak ketinggalan juga kami ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pustakawan dan kakitangan perpustakaan-perpustakaan awam di seluruh Malaysia diatas kerjasama dan keprihatinan anda dalam membantu menjayakan penyelidikan yang kami jalankan.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kami kepada ibubapa kami, jasa bakti anda semua tidak akan dapat kami balas walau dengan segunung intan sekalipun. Semoga segala bakti yang kalian curahkan akan mendapat keberkatan dari Allah s.w.t.

## **ABSTRAK**

### **Tajuk Penyelidikan:**

#### **Perkhidmatan Pandang Dengar di Perpustakaan-Perpustakaan Awam Terpilih di Malaysia**

Skil literasi bukan lagi merupakan satu-satunya skil penyebaran maklumat. Skil pendengaran dan penglihatan juga adalah merupakan satu kaedah pembelajaran yang penting. Alat pandang dengar adalah merupakan salah satu sumber maklumat yang penting pada masa kini. Atas kesedaran inilah penyelidik telah mengambil inisiatif untuk membuat penyelidikan terhadap perkhidmatan pandang dengar di perpustakaan-perpustakaan awam di Malaysia. Rekabentuk penyelidikan yang telah dipilih adalah melibatkan perpustakaan-perpustakaan awam terpilih di Malaysia. Pemilihan perpustakaan-perpustakaan awam terpilih tersebut adalah berasaskan kepada kedudukan perpustakaan awam tersebut sebagai perpustakaan awam pusat bagi setiap negeri di Malaysia. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang perkhidmatan pandang dengar yang disediakan di samping mengetahui apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan-perpustakaan awam terpilih tersebut. Tujuan lain bagi mengadakan penyelidikan ini ialah untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi dalam menyediakan perkhidmatan kepada para pengguna. Dalam membuat penyelidikan ini kaedah pengumpulan data yang dipilih ialah melibatkan kaedah soal selidik dan lawatan tidak rasmi. Kepentingan penyelidikan ini dijalankan ialah untuk menyedarkan kepada para pustakawan kepentingan penyediaan perkhidmatan pandang dengar dan menyedarkan kepada para pengguna perpustakaan akan peranan yang dimainkan oleh bahan pandang dengar sebagai salah satu kaedah dalam mengakses maklumat. Dari penyelidikan yang telah dijalankan penyelidik dapatiti tidak semua perpustakaan awam di Malaysia menyediakan perkhidmatan pandang dengar sebagai salah satu daripada perkhidmatan yang disediakan. Sebab-sebab masih terdapat perpustakaan awam yang tidak menyediakan perkhidmatan ini ialah kekurangan ruangan dan halangan dari aspek kewangan. Pun begitu kesedaran untuk mengadakan perkhidmatan ini adalah semakin menggalakkan selaras dengan perpustakaan awam itu sendiri. Kesimpulan yang diperolehi dari penyelidikan ini ialah usaha-usaha untuk memperkembangkan dan mempertingkatkan perkhidmatan pandang dengar di perpustakaan-perpustakaan awam terpilih adalah masih di peringkat perancangan.

## PENDAHULUAN

Penyelidikan ini diadakan ialah sebagai memenuhi keperluan bagi mata pelajaran LSC 358 (Metodologi Penyelidikan) bagi pelajar-pelajar semester 6, Kajian Sains Perpustakaan Awam & Maklumat Institut Teknologi Mara.

Penyelidik telah mengambil inisiatif untuk memilih tajuk "Perkhidmatan Pandang Dengar di Perpustakaan-Perpustakaan Awam Terpilih di Malaysia", adalah berasaskan kepada pembacaan dan pemerhatian ke atas kepentingan bahan-bahan pandang dengar sebagai salah satu cara dalam mengakses maklumat terutama di era perkembangan teknologi maklumat semasa yang semakin meluas dan mencabar. Ianya secara tidak langsung akan dapat memberi gambaran sebenar situasi terkini bagi perkhidmatan pandang dengar yang disediakan di perpustakaan-perpustakaan awam di Malaysia.

Dalam bab pertama, kandungan laporan ini adalah merangkumi ulasan penulisan, penyata pemasalahan, definisi istilah-istilah yang digunakan, tujuan penyelidikan, rekabentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data dan kepentingan penyelidikan.